

Newspaper	Berita Harian
Date	30/07/2017

'UMNO tak terima bekas pemimpin gila talak'

BH-30/7/2017
Pg.3

➔ Penegasan Dr M tak akan kembali kepada UMNO dialu-alukan: TPM

Oleh Fairuz Zaidan dan Nurul Fhatihah Zakinan
bhnews@bh.com.my

► Melaka

Penegasan Pengerusi Parti Pri-bumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad tidak akan kembali kepada UMNO sangat dialu-alukan, kata Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau yang menjalankan tugas Timbalan Presiden UMNO, berkata

parti itu tidak sesekali akan menerima bekas pemimpin yang gila talak semata-mata mahu terus kekal berkuasa.

22 tahun diberi peluang

"Ini sudah 22 tahun kita beri peluang. Dia pun dah pergi (keluar parti). Hendak jadi Perdana Menteri (PM) sekali lagi, gila talakkah orang itu?"

"Semalam (kelmarin), dalam kenyataan akhbar dia menyatakan tidak akan kembali kepada UMNO. Siapa yang hendak? Pinggan tak retak, nasi tak dingin. Engkau tak hendak, kami pun tak ingin," katanya yang juga Timbalan Perdana Menteri pada perasmian Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kota Melaka di sebuah hotel di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Melaka yang juga Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron; Ketua UMNO Bahagian Kota Melaka, Datuk Wira Latiff Tamby Chik; Ketua UMNO Bahagian Masjid Tanah, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh; Ketua



Latiff (dua dari kanan) menyampaikan cenderamata kepada Ahmad Zahid sambil diperhatikan Idris (dua dari kiri) pada Majlis Perasmian Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kota Melaka, semalam.

UMNO Bahagian Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Ketua UMNO Bahagian Alor Gajah, Datuk Seri Abdul Ghafar Atan.

BH semalam melaporkan Tun Mahathir menegaskan yang beliau sama sekali tidak akan kembali kepada UMNO yang pernah diterajunya selama 22 tahun sebagai presiden.

Sebelum mengambil keputusan menolak UMNO sepenuhnya, bekas Perdana Menteri itu mengakui pernah mencuba untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak daripada jawatan itu.

Ahmad Zahid juga berkata, inilah waktu terbaik semua jentera parti komponen Barisan Nasional (BN) untuk bersatu meruntuhkan kubu pembangkang yang diketuai DAP.

Katanya, tempoh dua penggal pembangkang memberi pelbagai janji palsu dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-12 dan Ke-13 lalu sudah berlalu, dan mandat sebenarnya harus dikembalikan kepada BN.

Info

Antara usul UMNO Bahagian Kota Melaka

➔ **Menyokong kerajaan** mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan memperkasakan inti pati dalam Penyata Razak 1956, Akta Pendidikan 1962, Akta Pendidikan 1966 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

➔ **Menyokong kepemimpinan** UMNO dan kerajaan memperkukuhkan kedudukan dan hak istimewa orang Melayu seperti dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan

"Saya khuatir jika BN tidak bekerja keras, kita akan disejajarkan dan dikedundangkan. Cukup-cukuplah. Kita belajar daripada pengalaman (lalu), terbuai daripada mimpi terdahulu.

Bantu calon BN

"Tugas-tugas kita dalam parti UMNO untuk membantu calon BN. Begitu jugalah kepemimpinan komponen lain untuk membantu calon UMNO dalam PRU akan datang.

"Tolonglah... Inilah ketikanya zaman DAP mula merudum dan empayar 'Dinasti Lim' akan pecah dan runtuh dalam PRU-14," katanya.

Kira-kira 1,000 perwakilan UMNO dan pemerhati menghadiri mesyuarat berkenaan yang membabitkan 65 cawangan di Bahagian Kota Melaka bagi mendengar amanat Ahmad Zahid. Pada majlis yang sama, beliau turut memotong pulut kuning sumbangan UMNO Bahagian Kota Melaka sempena genap dua tahun beliau mengemudi tugas sebagai Timbalan Perdana Menteri.